

D BUTIRAN PASANGAN DAN AHLI KELUARGA TERDEKAT UNTUK PEMOHON UTAMA**Pasangan**

Nama Penuh

No. Telefon Bimbit -

Ahli Keluarga Terdekat (yang tidak tinggal bersama)

Nama Penuh

No. Telefon Bimbit -

Hubungan

E MAKLUMAT PASANGAN (terpakai untuk Program Pendapatan Isi Rumah sahaja)

Nama Penuh

No. K/P Baru - - No. K/P Lama

Kerakyatan Warganegara ☐ Ya ☐ Tidak

No. Telefon Bimbit - Bumiputera ☐ Ya ☐ Tidak

Majikan Jawatan

Alamat Pejabat

Gaji Kasar Bulanan RM -

F PERMOHONAN BELIAN DAN AKU JANJI PEMBELIAN

Bagi tujuan pengaturan pembiayaan ini, saya dengan ini meminta AmBank Islamic Berhad ("Bank") untuk membeli Komoditi patuh Syariah yang difikirkan sesuai oleh Bank seperti yang dinyatakan di bawah Aku Janji untuk Membeli (Wa'd) di bawah. Seterusnya, jika permintaan saya untuk membeli diterima oleh Bank, saya bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank sebagai ejen saya untuk menjual Komoditi tersebut pada harga bersamaan dengan jumlah pembiayaan yang diluluskan bagi pihak saya dan hasil jualan Komoditi tersebut akan dibayar kepada saya mengikut terma dan syarat Perjanjian Am dan Surat Kelulusan.

- ☐ Saya dengan ini mengesahkan Permohonan Belian, dan Pengisytiharan oleh Pelanggan di bawah.
- ☐ Saya telah menerima satu salinan Perjanjian Am dan Lembaran Penyataan Produk.

Sebarang pelanggaran terhadap terma aku janji yang dinyatakan di sini akan menyebabkan Keingkaran Perjanjian Am. Saya dengan ini beraku janji kepada Bank untuk menanggung rugi (dengan segera selepas diminta oleh Bank) terhadap sebarang tuntutan, kos, perbelanjaan, kerugian dan ganti rugi (setiap satunya atas dasar kos sebenar. Kehilangan peluang perniagaan dan kos-kos dana adalah dikecualikan) yang dialami oleh Bank atas sebab pelanggaran tersebut, dengan syarat pihak Bank hendaklah menguatkuasakan haknya di bawah Aku Janji ini dalam tempoh dua (2) hari dari tarikh Bank menemui pelanggaran tersebut. Sekiranya gagal berbuat demikian, Aku Janji ini akan dianggap terbatal dan tidak berkuat kuasa dan saya akan dianggap telah melaksanakan tanggungjawab.

Permohonan Belian Dan Aku Janji Pembelian ini boleh dibatalkan dengan mengemukakan sebab pembatalan dan mendapat kebenaran bertulis daripada Bank dan akan mengikat saya, pengganti dalam kapasiti, penerima hak, waris dan juga wakil peribadi dan akan ditakrif menurut undang-undang Malaysia. Melalui pengeluaran Permohonan Belian Dan Aku Janji Pembelian ini, saya mengaku bahawa saya memahami segala kandungan Permohonan Belian Dan Aku Janji Pembelian ini.

Nama

X _____
Tandatangan

- -
Tarikh

* "Komoditi" bermaksud komoditi patuh Syariah yang termasuk, tetapi tidak terhad kepada minyak sawit mentah, oleokimia, barangan-barangan getah, barangan-barangan koko dan barangan-barangan soya atau apa-apa komoditi lain yang boleh diterima (tidak termasuk barangan ribawi dalam kategori alat pertukaran seperti mata wang, emas dan perak), yang diurusniagakan di Bursa Suq al-Sila' dan / atau mana-mana platform lain yang sedia ada dan diluluskan oleh pihak AmBank Islamic Berhad.

G PENGISYTIHARAN OLEH PELANGGAN

Dengan ini saya mengakui bahawa :-

- Segala maklumat yang diberi dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan saya tidak menyembunyikan sebarang fakta penting yang berkaitan.
- Saya bersetuju memberi kebenaran tanpa batal kepada pihak AmBank Islamic Berhad untuk melakukan sebarang semakan / pengesahan maklumat yang telah saya berikan kepada majikan saya.
- Saya bukan seorang yang bankrap (muflis) dan tiada sebarang tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas saya.
- Saya bukan ahli lembaga pengarah kepada AmBank Islamic Berhad, AMMB Holdings Berhad atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengannya.
- Saya faham bahawa AmBank Islamic Berhad mempunyai hak untuk menolak permohonan ini tanpa memberi kepada saya sebab untuk penolakan.
- Saya bersetuju untuk memberi kebenaran tanpa batal kepada pihak AmBank Islamic Berhad untuk melakukan apa-apa semakan / pengesahan latar belakang kredit sebagaimana diperlukan oleh pihak AmBank Islamic Berhad ke atas saya sebagai pelanggan dan lain-lain pertubuhan berkaitan daripada apa saja sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada Credit Tip Off Service Sdn Bhd (CTOS), Business & Search Information Services Sdn Bhd (BASIS), Central Credit Reference Information System (CCRIS), Financial Information System (FIS) dan / atau lain-lain agensi rujukan kredit sama ada ia ditubuhkan atau diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi penguatkuasaan kerajaan. Saya juga bersetuju sekiranya pihak AmBank Islamic Berhad menerima hasil semakan kredit yang mengandungi maklumat kredit saya daripada agensi rujukan kredit tersebut.
- Segala maklumat berkaitan dengan kemudahan pembiayaan tersebut mungkin akan diserahkan oleh pihak AmBank Islamic Berhad kepada Pusat Biro Kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi berdaftar dengan Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan dan mana-mana pihak ketiga yang pernah / sedang berurusan dengan saya.
- Pihak AmBank Islamic Berhad seterusnya dibenarkan untuk berhubung atau berbincang dengan sesiapa sahaja yang pernah / sedang berurusan / berurusan dengan saya termasuk penasihat-penasihat guaman, juruaudit-juruaudit, pegawai-pegawai, pembekal-pembekal dan pelanggan saya mengenai sebarang maklumat / pengesahan yang diperlukan oleh pihak AmBank Islamic Berhad, dan saya akan memberikan pertolongan dan akses sebagaimana dikehendaki oleh pihak AmBank Islamic Berhad untuk tujuan yang disebutkan terdahulu.
- Apa-apa maklumat yang diberikan oleh saya sebagai sokongan ke atas permohonan pembiayaan ini boleh didedahkan kepada orang-orang di atas bagi tujuan membantu semakan / pengesahan kredit tersebut.
- Kebenaran di atas tidak bermaksud AmBank Islamic Berhad telah bersetuju ke atas permohonan untuk pembiayaan ini yang mana ia tertakluk kepada kelulusan pihak AmBank Islamic Berhad. Sekiranya permohonan saya diluluskan, kebenaran ini berkuatkuasa sehingga semua bayaran berkaitan dengan pembiayaan ini dijelaskan dengan sepenuhnya.
- Saya tidak terlibat dalam mana-mana aktiviti yang menyalahi undang-undang sebagaimana yang dijelaskan di bawah peruntukan undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad, kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
- Setakat pengetahuan saya:-
 - Saya bukan saudara mara terdekat kepada:-
 - Pengarah
 - Pemegang Saham Utama³
 - Pegawai Eksekutif⁴
 - Pegawai Kredit⁵
 kepada AmBank Islamic Berhad atau mana-mana anak syarikat atau entiti-entiti yang dikuasainya.
 - Tiada satu daripada senarai (a) di atas mahupun saudara mara terdekat mereka menjadi penjamin untuk sebarang kemudahan pembiayaan yang disediakan oleh pihak AmBank Islamic Berhad kepada saya.

Nota :

- ¹ Saudara mara terdekat bermaksud ahli keluarga yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh individu berkenaan begitu juga semua tanggungan individu berkenaan. Ini termasuklah pasangan atau semua tanggungan pasangan, anak (termasuk anak tiri dan anak angkat) dan pasangan kepada anak, ibubapa dan adik-beradik serta pasangan mereka.
- ² Pengarah bermaksud pengarah kepada bank, sama ada sebagai pengarah eksekutif atau sebaliknya dan sama ada menerima sebarang ganjaran atau tidak, serta saudara mara terdekat. Ini termasuklah pengarah gantian yang diizinkan oleh pihak AmBank Islamic Berhad.
- ³ Seseorang itu adalah pemegang saham utama jika beliau menguasai lebih 50% daripada hak mengundi, memegang lebih 50% daripada modal saham diterbitkan sama ada secara langsung atau tidak langsung (tidak termasuk saham keutamaan), menguasai komposisi ahli lembaga pengarah, mempunyai kuasa untuk melantik dan / atau memecat semua atau majoriti ahli lembaga pengarah, menguasai pemegang saham utama bank, atau seorang yang menurut arahan atau perintahnya, seorang pengarah bank atau syarikat-syarikat induk yang sah, adalah biasa untuk bertindak.
- ⁴ Pegawai eksekutif bermaksud seseorang yang menjadi ahli pihak pengurusan yang mempunyai bidang kuasa atau tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan / atau mengawal aktiviti bank (selain daripada dalam kapasiti sebagai seorang pengarah), sama ada bukan pegawai yang mempunyai jawatan rasmi, atau layak menerima gaji atau lain-lain ganjaran. Contoh pegawai berkenaan termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi atau ahli jawatankuasa penggubal polisi dan perniagaan.
- ⁵ Pegawai kredit bermaksud seseorang yang bertanggungjawab atau mempunyai bidang kuasa untuk menilai dan / atau meluluskan transaksi kredit atau menyemak kedudukan transaksi kredit sedia ada, sama ada sebagai ahli kepada jawatankuasa (seperti : Jawatankuasa Pelaburan Kredit) atau secara individu, dan saudara terdekatnya.

Jika pelanggan berikrar sebaliknya, jadual di bawah perlu diisi :-

No.	Nama Kakitangan / Penjamin	No. Kad Pengenalan	Hubungan
1.			
2.			
3.			

(sila gunakan helaian tambahan, jika tidak mencukupi)

13. Segala urusan pemotongan gaji bagi pembiayaan ini akan diuruskan oleh MCCM Resources Sdn. Bhd.
14. Saya bersetuju untuk memberi kebenaran tanpa batil kepada AmBank Islamic Berhad untuk mendedahkan segala maklumat peribadi saya kepada pihak MCCM bagi urusan pemotongan gaji.
15. Terma dan syarat muktamad akan dinyatakan di dalam Perjanjian Am.
16. Saya telah menerima Lembaran Penyataan Produk bagi pembiayaan ini, dan telah membaca dan memahami kandungan tersebut.
17. Saya telah membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank yang boleh didapati di laman sesawang Kumpulan AmBank dan cawangannya.
18. Bank akan mengeluarkan pemberitahuan mengenai Kelulusan Pembiayaan melalui Sistem Pesanan Ringkas ("SMS") kepada Pelanggan mengenai jumlah Kemudahan yang telah diluluskan (sama ada jumlah yang diminta atau jumlah yang lebih rendah daripadanya), termasuk Harga Jualan Bank, tempoh masa dan ansuran bulanan sebelum pelaksanaan Kontrak Jualan Murabahah. Saya bersetuju dan menerima bahawa pihak Bank atas budi bicaranya, berhak meluluskan amaun dan / atau tempoh pembiayaan yang lebih rendah daripada yang dipohon dan yang sedemikian tidak akan menjejaskan terma dan syarat Pembiayaan.

A RAHAN MEMBUAT BAYARAN

Saya dengan ini membenarkan AmBank Islamic Berhad membuat bayaran penyelesaian kepada pihak yang berikut selaras dengan Perjanjian Am:

No.	Institusi Kewangan / Koperasi	Benefisiari	No. Akaun Pembiayaan / Kredit	Kad	Jumlah Bayaran (RM)
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
6.					
7.					
8.					
9.					
10.					

Bersama-sama ini saya lampirkan penyata atau surat baki penyelesaian pembiayaan. Sekiranya tiada lampiran dilampirkan, saya bertanggungjawab untuk memastikan amaun penyelesaian di atas adalah mencukupi. Saya juga mengakui bahawa amaun penyelesaian di atas juga tertakluk kepada perubahan jika amaun penyelesaian yang diberikan adalah berbeza daripada rekod AmBank Islamic Berhad. Saya bersetuju bahawa saya juga bertanggungjawab membuat pengesahan susulan dengan institusi kewangan / koperasi berkenaan arahan di atas selepas pembayaran dibuat oleh AmBank Islamic Berhad. Saya mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan dalam Arahan Membuat Bayaran ini adalah tepat dan muktamad dan pihak AmBank Islamic Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kejadian yang diakibatkan oleh kecuai dan / atau kegagalan saya untuk memberi maklumat yang tepat dan muktamad.

1. KEKENYATAAN KEKUALIFAN PELANGGAN	
<p>1. Saya dengan ini memberi kebenaran kepada AmBank Islamic Berhad untuk melakukan pemotongan daripada Amaun Fasiliti yang diluluskan (yang bersamaan dengan hasil jualan komoditi kepada pembeli pihak ketiga) sebelum amaun tersebut dikreditkan ke dalam akaun saya berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan di sini.</p> <p>Amaun Fasiliti yang dipohon : RM <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/></p> <p>Potongan daripada Amaun Fasiliti (RM) adalah untuk bayaran-bayaran berikut:</p> <p>a. Duti Setem LHDN (0.5% daripada Amaun Fasiliti yang diluluskan ke atas Dokumen Prinsipal dan RM10 untuk lain-lain surat cara)</p> <p>b. Sumbangan Takaful</p> <p>c. 12 Bayaran Pendahuluan Bulanan (12MAP) Kombo Pembiayaan Peribadi-i dan Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin Oleh Sijil ASB.</p> <p>Nama Bank <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> No. Akaun Simpanan / Semasa <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/></p> <p>d. Fi Wakalah</p> <p>Jumlah Potongan : RM <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/></p> <p>2. Tertakluk kepada kelulusan AmBank Islamic Berhad untuk Fasiliti yang dipohon, saya dengan ini membenarkan AmBank Islamic mengkreditkan Amaun Fasiliti (RM) yang diluluskan saya seperti dinyatakan di bawah :-</p> <p>Nama Bank <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> No. Akaun Simpanan / Semasa <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/></p> <p>*Nota: Salinan buku akaun bank disertakan di sini sebagai rujukan AmBank Islamic Berhad.</p> <p>3. Saya juga memberi kebenaran kepada AmBank Islamic Berhad untuk menyediakan penyata maklumat yang berkaitan dengan potongan gaji bulanan saya melalui Biro Perkhidmatan Angkasa sepertimana yang dikehendaki di bawah terma dan syarat Fasiliti.</p>	
KEBENARAN OLEH PELANGGAN	
<p>1. AmBank Islamic mungkin, dari semasa ke semasa, menawarkan produk, promosi dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Katakan "YA" untuk tawaran dan promosi hebat daripada AmBank Islamic</p> <p><input type="checkbox"/> Ya, saya ingin menerima bahan pemasaran daripada AmBank Islamic</p> <p><input type="checkbox"/> Tidak, buat masa ini</p> <p>Saya, dengan ini membenarkan AmBank Islamic untuk memproses data peribadi saya bagi kegunaan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi yang boleh didapati di laman sesawang Kumpulan AmBank dan cawangan-cawangan. Saya juga mengesahkan bahawa pengakuan ini mengatasi sebarang pengakuan terdahulu yang dibuat oleh saya.</p> <p><i>Sekiranya anda mengubah fikiran selepas ini dan tidak lagi ingin menerima bahan pemasaran daripada AmBank Islamic, anda hanya perlu memaklumkan kepada kami dengan menghubungi kami melalui 03-2178 8888 atau e-mel customercare@ambankgroup.com</i></p> <p>2. Takaful Pembiayaan Peribadi Tempoh Menyusut:</p> <p><input type="checkbox"/> Saya ingin mengambil perlindungan Takaful dari AmMetLife Takaful Berhad (diuruskan oleh AmBank Islamic Berhad).</p> <p><input type="checkbox"/> Saya ingin mengambil perlindungan Takaful dari lain-lain Syarikat Takaful (diuruskan sendiri oleh saya dan sijil perlindungan Takaful ini mengesahkan bahawa AmBank Islamic</p> <p><input type="checkbox"/> Saya tidak mahu mengambil sebarang perlindungan Takaful.</p>	
2. PENGISYTIHARAN OLEH PASANGAN PELANGGAN (terpakai untuk Program Pendapatan Isi Rumah sahaja)	
<p>1. Segala maklumat yang diberi dalam permohonan ini adalah benar dan betul dan saya tidak menyembunyikan sebarang fakta penting yang berkaitan.</p> <p>2. Saya bersetuju memberi kebenaran tanpa batal kepada pihak AmBank Islamic Berhad untuk melakukan sebarang semakan / pengesahan maklumat yang telah saya beri dengan majikan saya.</p> <p>3. Saya dengan ini memberi persetujuan saya kepada Bank untuk berkongsi mana-mana maklumat saya dengan mana-mana pihak ketiga termasuk bank lain dan agensi pelapor kredit di Malaysia yang didaftarkan di bawah Akta Agensi Pelapor Kredit 2010, Biro Penipuan dan/atau lain-lain pangkalan data perkongsian maklumat untuk tujuan mengesan dan/atau menyalah dan/atau mencegah penipuan dan/atau saya tidak akan meletakkan tanggungjawab ke atas Bank dan/atau pihak ketiga terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh perkongsian dan/atau saya tersebut kecuali pemprosesan maklumat apabila punca kerugian atau kerosakan tersebut datang daripada kecuriaan melampau, penipuan atau salah laku yang disengajakan Pihak Bank.</p> <p>4. AmBank Islamic mungkin, dari semasa ke semasa, menawarkan produk, promosi dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Katakan "YA" untuk tawaran dan promosi hebat</p> <p><input type="checkbox"/> Ya, saya ingin menerima bahan pemasaran daripada AmBank Islamic</p> <p><input type="checkbox"/> Tidak, buat masa ini</p> <p>Saya, dengan ini membenarkan AmBank Islamic untuk memproses data peribadi saya bagi kegunaan seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi yang boleh didapati di laman sesawang Kumpulan AmBank dan cawangan-cawangan. Saya juga mengesahkan bahawa pengakuan ini mengatasi sebarang pengakuan terdahulu yang dibuat oleh saya.</p> <p><i>Sekiranya anda mengubah fikiran selepas ini dan tidak lagi ingin menerima bahan pemasaran daripada AmBank Islamic, anda hanya perlu memaklumkan kepada kami dengan menghubungi kami melalui 03-2178 8888 atau e-mel customercare@ambankgroup.com</i></p> <p>PERINGATAN: Pelanggan dan pasangan diingatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i sebelum menandatangani Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini. Sekiranya Pelanggan tidak memahami mana-mana terma-terma dan syarat-syarat terkandung dalam Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini, Pelanggan dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat peguam atau berbincang dengan wakil Bank yang diberi kuasa sebelum menandatangani Borang Permohonan Pembiayaan Peribadi-i ini.</p>	
TANDATANGAN PELANGGAN & PASANGAN	
<p>X _____</p> <p>TANDATANGAN PELANGGAN</p> <p>Nama: _____</p> <p>Tarikh: <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/></p>	<p>Y _____</p> <p>TANDATANGAN PASANGAN PELANGGAN</p> <p>Nama: _____</p> <p>Tarikh: <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/></p>
3. KESIMPULAN	PERHATIAN
<p>1) Pengesahan bahawa segala maklumat yang diperolehi daripada pelanggan adalah benar tanpa menyembunyikan sebarang fakta penting.</p> <p>2) Pengesahan juga telah dibuat menerusi sesi temubual dengan pelanggan.</p> <p>.....</p> <p>(Tandatangan Pegawai Pemasaran)</p>	<p>J : TANDATANGAN / COP KETUA JABATAN</p> <p>X : TANDATANGAN PELANGGAN</p> <p>Y : TANDATANGAN PASANGAN PELANGGAN</p> <p>Adalah menjadi satu kesalahan untuk menyerahkan dokumen palsu, maklumat mengelirukan dalam permohonan pembiayaan.</p>

LAMPIRAN

PELANTIKAN AMBANK ISLAMIC BERHAD SEBAGAI WAKIL BELIAN DAN JUALAN

Daripada: (*Nama Pelanggan)
Kepada : AMBANK ISLAMIC BERHAD ("Bank")
Tarikh :

Tuan/Puan,

Pelantikan AmBank Islamic Berhad Sebagai Wakil Belian dan Jualan Sehubungan dengan Pembiayaan Peribadi-i ("Fasiliti")

Saya, merujuk kepada perkara di atas dan juga kepada Perjanjian Am bagi Fasiliti ini ("Perjanjian Am"). Setelah permohonan saya diluluskan oleh pihak Bank, Perjanjian Am hendaklah menjadi perjanjian induk kepada Fasiliti ini.

Segala terma yang dinyatakan di dalam Perjanjian Am hendaklah mempunyai maksud yang sama bagi tujuan Pelantikan Wakil ini, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan terma-terma berkaitan dengan wakalah di dalam Perjanjian Am hendaklah dianggap telah dimasukkan juga di sini.

1. WAKALAH

Saya dengan ini secara mutlak dan muktamadnya melantik pihak Bank sebagai wakil saya untuk:

- (a) Kontrak Jualan Murabahah: Melengkapkan dan melaksanakan Kontrak Jualan Murabahah untuk pembelian Komoditi daripada Bank (dalam kapasiti sebagai penjual) bagi pihak saya pada Harga Jualan Bank secara ansuran menurut terma-terma dan syarat-syarat seperti yang ditetapkan di dalam Kontrak Jualan Murabahah dan selepas penyempurnaan Kontrak Jualan Murabahah, untuk menguruskan Komoditi dengan cara yang berikut:

* (aa) () disimpan di dalam gudang dan saya akan menanggung kesemua kos dan perbelanjaannya dan saya memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menolak kesemua kos dan perbelanjaan tersebut.

* (bb) () untuk dihantar ke < **sila nyatakan alamat** > dan saya akan menanggung kesemua kos dan perbelanjaannya dan saya memberi kuasa kepada pihak Bank untuk menolak kesemua kos dan perbelanjaan tersebut.

* (cc) () untuk dijual kepada pembeli pihak ketiga pada harga yang sekurang-kurangnya bersamaan dengan harga kos Komoditi secara tunai dan segera.

* Tick (V) *Tandakan (V) pada yang berkenaan. Sila pilih (cc) jika anda berhasrat untuk memperoleh hasil daripada Fasiliti tersebut.

- (b) Agensi Jualan: Selepas Kontrak Jualan Murabahah disempurnakan dan jika saya memilih agar Komoditi dijual kepada pembeli pihak ketiga yang dianggap sesuai ("Pembeli Komoditi"), pihak Bank boleh menjual Komoditi tersebut kepada Pembeli Komoditi pada harga yang bersamaan dengan Amaun Fasiliti dan menyerahkan atau membuat penyerahan Komoditi itu kepada Pembeli Komoditi, serta untuk memperoleh hasil daripada jualan Komoditi dan kemudiannya, menyerahkan hasil jualan Komoditi tersebut menurut arahan saya di dalam Pelantikan Wakil ini.

- (c) Pentadbiran: Bagi menyempurnakan dan melaksanakan wakalah yang terkandung di sini, Bank dengan ini diberi kuasa:

(i) untuk menandatangani dan menyempurnakan kesemua dokumen dan membuat, mematuhi serta melaksanakan segala kewajipan yang perlu dilakukan berkaitan dengan tugasnya sebagai wakil atau yang dikenakan kepadanya di bawah mana-mana perjanjian penjualan Komoditi bagi tujuan transaksi Murabahah Tawarruq;

(ii) mewakili hak-hak dan tugas-tugasnya sebagai wakil di sini kepada mana-mana pihak ketiga yang Bank anggap perlu mengikut budi-bicara untuk melakukan kesemua tindakan yang diperlukan bagi menyempurnakan dan melaksanakan transaksi Murabahah Tawarruq termasuk semua tugas pentadbiran berkenaan pembelian Komoditi daripada pihak Bank dengan syarat mendapat persetujuan daripada saya terlebih dahulu; dan

(iii) melakukan segala perkara dengan lengkap dan efektif, seolah-olah saya melakukan segala perkara tersebut secara peribadi termasuklah mengambil pemilikan (fizikal atau konstruktif) Komoditi.

2. PENYUDAHAN

Dengan penyudahan transaksi Murabahah Tawarruq di atas, pelantikan Bank selaku ejen saya di sini hendaklah tamat secara automatik.

3. WAKALAH TERHAD

Kecuali dan melainkan seperti dinyatakan di dalam Pelantikan Wakil ini, pelantikan Bank sebagai wakil saya tidak menubuhkan atau dianggap menubuhkan sesuatu perkongsian atau usaha sama di antara kita, mahupun menubuhkan hubungan prinsipal atau wakil dalam mana-mana pertalian lain di antara kita.

4. TANGGUNG RUGI

Saya beraku janji untuk menanggung rugi Bank daripada segala tuntutan, kerugian, perbelanjaan ataupun kerosakan yang mungkin terpaksa ditanggung oleh Bank dalam melaksanakan tugas-tugasnya sebagai wakil seperti yang telah dinyatakan di atas, melainkan dan kecuali jika disebabkan ta'addi (salah laku), taqsir (kecuai) atau mukhalafah al-shurut (pelanggaran terma yang khusus) oleh Bank semasa menyempurnakan dan melaksanakan wakalah yang terkandung di sini dan dalam keadaan sebegitu, Bank hendaklah bertanggungjawab dan mengganti rugi atas kerugian atau kerosakan termasuk sebarang kos yang ditanggung oleh saya.

5. KEUNTUNGAN DI DALAM KONTRAK JUALAN MURABAHAH

Sekiranya apa-apa tindakan Bank, seperti yang dilantik di sini mengakibatkan keuntungan melampaui keperluan yang dikenakan oleh saya (seperti menjual pada harga yang lebih tinggi atau membeli pada harga yang lebih rendah) atau diberi kuasa kepada Bank, Bank haruslah mendedahkannya kepada saya dan Bank tidak boleh menyimpan apa-apa bahagian keuntungan melampaui tersebut tanpa persetujuan saya.

6 PENAMATAN

Jika perkara berikut berlaku:

- (a) mana-mana pihak gagal melaksanakan apa-apa kewajipan di bawah Pelantikan Wakil ini di mana kegagalan tersebut boleh diremedikan, tidak diremedikan dalam tempoh yang dinyatakan di dalam Pelantikan Wakil ini agar kegagalan / pelanggaran tersebut diremedikan atau di mana tempoh tersebut tidak dinyatakan dengan jelas, dalam masa empat belas (14) Hari Perniagaan, dari mana-mana tarikh yang pihak sedar akan kegagalan / pelanggaran tersebut atau telah dimaklumkan akan kegagalan / pelanggaran tersebut; atau
- (b) apa-apa representasi, jaminan atau kenyataan yang dibuat oleh mana-mana pihak adalah tidak benar atau mengelirukan secara material atau pada tarikh representasi, jaminan atau kenyataan tersebut dibuat atau dianggap untuk dibuat atau diberikan, atau jika diulangi pada bila-bila masa setelah dirujuk kepada fakta atau keadaan yang diberikan pada masa tersebut adalah tidak tepat; atau
- (c) ia adalah atau ia akan menjadi satu kesalahan menurut undang-undang Malaysia untuk mana-mana pihak untuk melaksanakan atau mematuhi apa-apa tanggungjawabnya di bawah Pelantikan Wakil ini; atau
- (d) satu pengganti, bailif, pemegang amanah atau pentadbir atau penerima atau pegawai yang serupa dengannya mengambil milik atau dilantik ke atas, semua atau mana-mana bahagian aset daripada mana-mana pihak atau tindakan distres atau apa-apa perintah pelaksanaan lain yang dikenakan atau dikuatkuasakan ke atas mana-mana aset tersebut, atau mana-mana kepentingan sekuriti yang pada masa berkenaan mungkin memberi kesan terhadap mana-mana aset tersebut dikuatkuasakan; atau
- (e) mana-mana pihak adalah atau menjadi tidak mampu membayar atau mengancam untuk membeku pembayaran apa-apa hutangnya (sama ada jumlah pembiayaan atau keuntungan) apabila tempohnya tiba atau dianggap tidak mampu membayar hutangnya; atau
- (f) mana-mana pihak yang merupakan individu meninggal dunia atau hilang upaya atau menjadi tidak siaman atau telah dikenakan hukuman penjara atau disabit kesalahan di bawah apa-apa undang-undang; atau
- (g) apa-apa tindakan penggulangan, pembubaran, likuidasi atau petisyen untuk penggulangan atau kebangkrapan diambil terhadap mana-mana pihak dan / atau mana-mana pihak melakukan tindakan kebangkrapan atau memasuki apa-apa perkiraan atau komposisi dengan pemiutangnya;
maka dan di dalam mana-mana perkara di atas ("Kejadian Penamatan"), pihak yang tidak bersalah boleh, dengan memberikan notis bertulis kepada pihak yang melanggar, menamatkan Pelantikan Wakil ini di mana, apa-apa aset atau hak saya yang diberikan kepada Bank akan dipulangkan kepada saya, dan Bank berhak ke atas fi wakalah yang dipersetujui DENGAN SYARAT penamatan tersebut tidak memberi kesan atau prejudis terhadap hak mana-mana pihak yang telah terpakai sebelum tarikh penamatan Pelantikan Wakil ini.

7 FI WAKALAH

Kecuali jika diketepikan oleh Bank, apabila diminta oleh Bank pada bila-bila masa, saya akan membayar fi wakalah sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10.00) kepada Bank sebagai imbalan kepada pelantikan dan pelaksanaan tugas Bank sebagai ejen saya.

8 PRINSIPAL TERIKAT

Saya akan terikat dengan apa-apa kontrak atau perjanjian yang dimasuki oleh Bank bagi pihak saya dengan mana-mana pihak ketiga selaras dengan Pelantikan Wakil ini.

Yang benar,

.....
Nama
Tarikh

Diterima oleh,
Tarikh:

.....
Tandatangan wakil yang diberi kuasa oleh
AMBANK ISLAMIC BERHAD

(Baki muka surat ini sengaja dikosongkan)